

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata ganda berentak**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat** anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu seb peribahasa atau nama khas.

Perpaduan menjadi warna-warni dan merupakan asas kepada pembinaan negara bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana perpaduan menyumbang kepada keamanan dan situasi huru-hara dapat dielakkan. Sekiranya kepelbagaian kaum menjadi punca kacau-bilau, suasana keharmonian yang diimpikan dilihat sukar untuk dikekalkan. Sejarah hubungan kaum di Malaysia yang masyarakatnya rama-tamah mempunyai trend yang boleh dibahagikan kepada tiga tempoh masa. Ketiga-tiga fasa tersebut mencerminkan senario hubungan kaum di Malaysia dan menjelaskan bahawa perpaduan kaum dalam konteks kesepaduan sosial perlu dikekalkan agar negara tidak akan punah-ranah yang akan merugikan kita.

- (i) **warna-warni**
- berbagai-bagai warna (nya), berbagai-bagai ragam atau corak, aneka ragam
- (ii) **huru-hara**
- dalam keadaan tidak tenteram, kacau-bilau: dalam keadaan kelam-kabut (tidak keruan dan sebagainya): berjalan dengan tidak tentu tujuan
- (iii) **kacau-bilau**
- sangat kacau, kacau-becah, kacau-bicau, kacau-birau, kacau-balau, berkacau-bilau sangat.
- (iv) **ramah-tamah**
- sangat ramah; perjumpaan selaku sahabat yang karib (secara kekeluargaan)
- (v) **punah-ranah**
- rosak binasa

3. Petikan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

BAHAN 1

Daripada :	Alexius <alex.lompugat@gmail.com.my>
Tarikh :	19 September 2023, Selasa, 12.00 tengah hari
Perkara :	Pemeriksaan ke atas Murid-murid yang Bermotosikal ke Sekolah
Pada :	Soo Yong Huat <pengetua@smkn.edu.my>

Selamat Sejahtera dan salam Malaysia Madani,
Tuan,

Berhubung perkara di atas, untuk makluman pihak tuan, pihak kami akan mengadakan pemeriksaan ke atas murid-murid yang memandu motosikal di sekolah. Tindakan ini ekor daripada permintaan pihak tuan yang meminta pihak kami mengadakan pemeriksaan tersebut. Pemeriksaan itu akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 13 Oktober 2023

Hari : Jumaat

Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Tempat : Tempat Simpan Motosikal, Sekolah Menengah Kebangsaan
Narinang.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami berharap pihak tuan dapat memberikan komitmen untuk memastikan pemeriksaaan berjalan dengan lancar.

3. Kerjasama pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

.....
(**DATUK ALEXIUS SAGUN**)

Ketua Polis,

Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Belud,

Sabah.

SULIT

4

1103/2

BAHAN 2

Karnival Kilang Harga

- Tawaran harga murah untuk peti sejuk, mesin basuh, televisyen, penghawa dingin dan peralatan audio.
- Syarikat kita sudah masyur dengan barang-barang elektronik dan diyakini ramai.
- Pengguna berpeluang menyertai cabutan bertuah jika berbelanja minima RM150 dalam satu resit.

[5 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan
Bahan 1

(i)	pada	-	kepada
(ii)	memandu	-	menunggang
(iii)	ekor	-	ekoran
(iv)	tengahari	-	tengah hari
(v)	Simpan	-	Parkir/Letak
(vi)	komitment	-	komitmen

[Mak

Bahan 2

(i)	Karnival Kilang Harga-		Karnival Harga Kilang
(ii)	penghawa dingin	-	pendingin hawa
(iii)	kita	-	kami
(iv)	masyur	-	masyhur
(v)	minima	-	minimum

4. *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja itu di seri balai itu, maka Seri Diraja berkisar ke tengah.

Dipetik daripada Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Sultan Muzaffar Syah berkenan mendengar penjelasan Tun Perak. Pada pendapat baginda, “Tun Perak tidak sepatutnya menjadi bentara tetapi sepatutnya menjadi Perdana Menteri.”

Tun Perak digelar Paduka Raja dan disuruh di seri balai setara dengan Seri Nara Diraja. Paduka Raja menaiki seri balai dan duduk berdekatan dengan Seri Nara Diraja. Seri Nara Diraja beralih ke tengah.

5. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam petikan tersebut.

Vivian : Peralatan sukan di stor sudah lama tidak digunakan akhirnya diletakkan sebaik sahaja mendapat peralatan baharu ibarat.....
(i).....

Meltivence: Hal ini dapat dikaitkan dengan peribahasa (ii)..... kerana peralatan sukan itu bukan sahaja lama malah memerlukan kos baik pulih yang tinggi pula.

Vivian : Namun, bukankah peralatan ini masih boleh digunakan untuk melatih atlet pelapis? Kita janganlah suka membazir. Kita perlu berpegang pada prinsip.....(iii)..... atlet pelapis tidak perlu membeli peralatan sekali gus beban kewangan untuk membeli peralatan baharu juga dapat dielakkan.

Meltivence : Betul tu. Cadangan ini akan saya bawa kepada pengetahuan pengetua.

(i) sudah dapat gading bertuah,tanduk tidak berguna lagi

(ii) sudah jatuh ditimpa tangga

(iii) tiada rotan akar berguna juga

semula.

Bahan 1

Makanan sihat menjadi kegemaran bagi siapa yang mengikuti program diet. Kebanyakan produk di label bebas lemak namun sebenarnya terkandung bahan-bahan yang tidak sihat. Contohnya, susu lemak rendah atau yogurt yang diganti dengan pengawit buatan. Pemanis buatan pula mempunyai sifar kalori yang membantu merendahkan berat badan. Walau bagaimanapun, keadaan ini sebenarnya akan menyebabkan anda semakin bergantung pada gula. Meminum jus buah berperisa tiruan mungkin bagus jika hanya diminum sekali-sekala tetapi lebih baik dibuat sendiri dengan buah-buahan yang segar dan semulajadi.

[6 markah]

Bahan 2



PEMAKANAN SEHAT YANG SEIMBANG

Dengan mengamalkan kaedah ini, jumlah karbohidrat yang diambil ialah pada takat yang sesuai di samping mendapat protein dan serat yang mencukupi.

[5 markah]

Bahan 1

Salah	Betul	Jenis Kesalahan
siapa	sesiapa / siapa-siapa	tatabahasa
kebanyakkan	kebanyakan	imbuhan
sifar kalori	kalori sifar	tatabahasa
pengawit	pengawet	ejaan
merendahkan	menurunkan	istilah
bergantungan	bergantung	imbuhan
semulajadi.	semula jadi	ejaan

Bahan 2

Salah	Betul	Jenis Kesalahan
mee	mi	ejaan
sayur sayuran	sayur-sayuran	tatabahasa
sehat	sihat	ejaan
ialah	adalah	tatabahasa
takat	tahap	istilah
protin	protein	ejaan

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Jawapan

Laksamana membahagi tiga harta itu, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagian, kemudian harta itu dibahagi oleh Laksamana kepada tiga bahagian lagi. Satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian diberikan kepada semua pegawai yang tidak mempunyai kuasa dan satu bahagian lagi diberikan kepada semua orang Laksamana. Segala harta itu telah habis dan tidak ada satu pun diambil oleh Laksamana.

5. *Baca petikan di bawah dengan teliti, senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan. Kemudian bina ayat menggunakan peribahasa tersebut.*

Semangat kejiranan merupakan perkara penting dalam kehidupan bermasyarakat. Jiran merupakan orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita. Perbezaan agama, bangsa, adat dan budaya tidak seharusnya dijadikan sebagai sempadan untuk memisahkan atau menjadi benteng daripada amalan hidup sesama jiran tetangga kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Mungkin alasan kesibukan seharian dalam mengejar karier masing-masing menyebabkan amalan kejiranan semakin dilupakan. Setiap anggota masyarakat janganlah mementingkan diri sendiri bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Selain itu, perkembangan teknologi pada hari ini juga menjadi penyumbang kepada kealpaan masyarakat terhadap amalan hidup berjiran. Oleh itu, jiran tetangga perlu mengamalkan amalan bertegur sapa seperti bertanya khabar atau bertukar-tukar pandangan supaya hubungan kejiranan semakin rapat bagai isi dengan kuku.

5. Peribahasa

- (i) Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh – Masyarakat majmuk di negara kita hendaklah bersatu padu kerana bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.
- (ii) Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing – Hubungan antara jiran semakin renggang kerana masing-masing mementingkan diri sendiri bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
- (iii) Bagai isi dengan kuku – Hubungan Aminah dan Sarah sangat rapat bagai isi dengan kuku kerana mereka membesar bersama-sama sejak kecil.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata akronim. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata akronim tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Industri perfileman tempatan dalam pelbagai genre cukup meriah sepanjang 2018. Purata kutipan tayangan filem-filem itu melebihi RM150 juta. Industri ini dijangka semakin meriah dengan kemunculan filem adaptasi bukan sahaja daripada novel tetapi juga daripada cerpen. Contohnya karya penulis Jepun, Haruki Murakami telah membuktikan filem adaptasi dari genre ini berjaya memenangi lima Anugerah Oskar. Filem tersebut ditayangkan di seluruh pawagam di negaranya. Cerpen Bagai Sarang Burung di Ranting karya Sasterawan Negara Arena Wati yang bertemakan hidup bermuafakat telah diiktiraf oleh Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) sebagai antara nukilan terbaik. Kita yakin, matlamat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam memperjuangkan hak asasi manusia akan tercapai jika karya ini diadaptasi kepada filem. Oleh itu, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) perlu bertanggungjawab dalam mengangkat karya penulis tempatan ke peringkat global.

(i) **purata**

- nilai yang diperoleh dengan membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dengan bilangan kuantiti tersebut

(ii) **cerpen**

- cerita pendek

(iii) **pawagam**

- panggung wayang gambar

(iv) **GAPENA**

- Gabungan Persatuan Penulis Nasional

(v) **FINAS**

- Perbadanan Kemajuan Filem Nasional

Petikan-petikan di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut semula.

Petikan 1

- Fahmi : Cikgu, mengapa banyak ikan yang berapungan di sungai ini?
Cikgu Adib : Ikan itu berapungan disebabkan air sungai sangat kotor. Kamu lihatlah di permukaannya, penuh dengan sampah-sarap.
Fahmi : Cikgu, puncanya apa?
Cikgu Adib : Pencemaran air sungai disebabkan kerana tangan manusia itu sendiri. Pada kebiasaannya, manusia seringkali melakukan pencemaran ini secara sedar atau tidak. Pencemaran sungai telah memberi kesan yang buruk terhadap hidupan pada masa kini. Oleh itu, kita perlu menjaga kebersihan sungai untuk menjadikan kelestariannya.
Fahmi : Terima kasih cikgu di atas penjelasan tentang pencemaran sungai. Saya berazam untuk memelihara sungai dengan sebaik-baiknya.
Cikgu Adib : Sama-sama.

[6 markah]

Petikan 2

Isu yang sering menghambat dada akhbar arus perdana di negara ini ialah isu berkaitan dengan amalan kitar semula. Hal ini dikatakan demikian lantaran takat kesedaran masyarakat kita tentang amalan kitar semula dikatakan masih rendah jika berbanding dengan negara maju. Situasi ini berlaku memandangkan sikap tidak mengambil berat aspek kitar semula barangan dibuang dalam masyarakat kita. Sebagai contoh, setiap rakyat Malaysia secara puratanya membuang 0.8 kilogram sampah setiap hari dan jumlah ini cukup untuk memenuhi Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) dalam jangka masa sembilan setengah hari. Menyedari hakikat tersebut, pelbagai usaha boleh dilakukan bagi menggalakkan orang ramai mempraktikkan amalan kitar semula.

[5 markah]

Pelbagai kesalahan bahasa

Bahan 1

(i)	mengapa	–	mengapakah
(ii)	sampah-sarap	–	sampah sarap
(iii)	disebabkan kerana	–	disebabkan oleh
(iv)	seringkali	–	sering kali
(v)	masa kini	–	masa ini/ kini
(vi)	menjadikan	–	memastikan/ menjamin
(vii)	di atas	–	atas

Bahan 2

(i)	menghambat	–	menghiasi / mengisi
(ii)	takat	–	tahap
(iii)	berbanding	–	dibandingkan
(iv)	dibuang	–	terbuang
(v)	sembilan setengah hari	–	sembilan hari setengah
(vi)	mempraktikan	–	mempraktikkan

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu."

Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri."

Baginda tersenyum lalu bertitah, "Benar kata-kata Tun Perak itu."

Baginda mengambil sirih daripada tepak sirih baginda, disuruh memberikannya kepada Tun Perak. Baginda bertitah kepada Tun Perak, "Tun Perak tidak perlu tinggal/ menetap di Kelang lagi, sebaliknya tinggal/ menetap di negeri ini."

Baca dialog di bawah dengan teliti. Kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.

- Ibu : Aziz, jagalah diri dan tingkah laku ketika berada di sana. Pandai-pandailah menyesuaikan diri dengan cara hidup mereka. Ikutlah nasihat orang tua-tua, iaitu _____(i)_____.
- Aziz : Saya akan ingat nasihat ibu ini.
- Ibu : Ibu berharap Aziz belajarlah dengan tekun untuk memenuhi cita-cita. Setelah tamat belajar dan berjaya dalam hidup, jangan lupakan mereka yang pernah berjasa. Sikap buruk ini adalah seperti _____(ii)_____.
- Aziz : Baiklah ibu.
- Ibu : Jika sudah bekerja, jadilah seorang yang rajin dan tetap berusaha menyiapkan tugas dengan baik walaupun menghadapi pelbagai rintangan kerana _____(iii)_____.

Peribahasa lain yang sama / hampir sama

- | | |
|---|---|
| (i) - di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung | 2 |
| - masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak | 2 |
| - di mana ranting dipatahkan, di situ air tersauh | 2 |
| (ii) - kacang lupakan kulit | 2 |
| - melepaskan anjing tersepit | 2 |
| - mayang menolak seludang | 2 |
| (iii) - gengam bara api biar sampai jadi arang | 2 |
| - alang-alang mandi biar basah | 2 |
| - alang-alang berdakwat biar hitam | 2 |
| - alang-alang berminyak biar licin | 2 |

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata adjektif perasaan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu** ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Hari ini keputusan SPM diumumkan. Aku agak bimbang jika keputusan peperiksaanku tidak seperti yang kuharapkan. Aku menanti di dewan sekolah bersama dengan rakan-rakan yang lain untuk mengambil slip keputusan SPM. "Tahniah atas keputusan cemerlang yang diraih oleh Qaseh Mikayla binti Hassan dengan pencapaian SPM 11A+!". Walaupun agak terkejut mendengar pengumuman tersebut, namun aku bahagia dan sangat bersyukur atas pencapaianku itu. Tidak sabar rasanya ingin kutunjuk keputusan SPM ini kepada ibu dan ayah. Pasti ibu dan ayah bangga melihat pencapaianku ini.

- i. bimbang
 1. berasa gelisah atau tidak sedap hati kerana memikirkan sesuatu
 2. takut sesuatu yang tidak diingin berlaku
- ii. terkejut
 - terperanjat, tersentak, kaget
- iii. bahagia
 1. perasaan yang senang dan aman
 2. aman damai dan gembira
- iv. sabar
 - tidak terburu-buru / tenang
- v. bangga
 - megah, besar hati

IMaksimu

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian **cerakinkan** ayat-ayat dalam petikan supaya menjadi **enam ayat** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Pokok bunga telang ialah spesies tumbuhan kekacang yang tumbuh menjalar dengan melilit tumbuhan lain di sekelilingnya dan mempunyai bunga berwarna ungu terang. Masyarakat Melayu sememangnya gemar menggunakan bunga telang sebagai pewarna alami dalam makanan kerana bunga telang bukan sahaja memberikan warna biru semula jadi yang cantik, menarik dan segar tetapi juga makanan yang dihasilkan selamat daripada bahan kimia.

1. Pokok bunga telang ialah spesies tumbuhan kekacang.
2. Pokok bunga telang tumbuh menjalar dengan melilit tumbuhan lain di sekelilingnya.
3. Pokok bunga telang mempunyai bunga berwarna ungu terang.
4. Masyarakat Melayu sememangnya gemar menggunakan bunga telang sebagai pewarna alami dalam makanan.
5. Bunga telang memberikan warna biru semula jadi yang cantik, menarik dan segar.
6. Makanan yang dihasilkan selamat daripada bahan kimia.

*Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Telepek merupakan karya seni menghiasi tekstail dengan serbuk berwarna emas yang amat aneh sekali kerana motif bagi setiap kain adalah berbeza. Berdasarkan sastera lama, telepek bermakna bunga atau lain-lain motif yang diperbuat daripada emas. Seni telepek ini menjadi hakmilik istana kerana seni tata hias itu memiliki dan dipelihara oleh pihak istana serta pemakaiannya dikhaskan untuk keluarga diraja dan golongan jutawan sahaja. Suatu ketika dahulu seni ini banyak berkembang di negeri Selangor, Pahang dan Johor. Selain daripada persalinan busana penuh, seni telepek yang bersifat mewah ini biasanya menghiaskan baju kurung, tanjak, sampung, selendang, kain sarung dan kain ikat pinggang.

Bahan 2

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN
KE 66

**PERTANDINGAN KOIR
KEMERDEKAAN 2023**

TARIKH : 8 JULAI 2023
MASA : 8.00 MALAM – 11.00 MALAM
TEMPAT : ODITORIUM BUNGA RAYA , MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAL.

SYARAT PENYERTAAN

- ✦ Bilangan peserta setiap pasukan tidak ditetapkan.
- ✦ Muzik iringan perlu menyediakan sendiri.
- ✦ Gaya persembahan dan pemilihan pakaian mestilah bertajukkan kemerdekaan.
- ✦ Setiap pasukan akan mempersembahkan sebuah lagu patriotik sahaja.

RAMAI ORANG DIJEMPUT HADIR

Sila imbas QR kod untuk mendaftar.
Hadiah menarik menanti anda.
*Anjuran Persatuan Penduduk
Jan Butterworth.*

Bahan 1

- | | | |
|--------------------|---|------------------|
| 1. tekstail | - | tekstil |
| 2. aneh | - | unik |
| 3. lain-lain motif | - | motif-motif lain |
| 4. hakmilik | - | hak milik |
| 5. tata hias | - | tatahias |
| 6. memiliki | - | dimiliki |
| 7. jutawan | - | bangsawan |
| 8. menghiaskan | - | menghiasi |

Bahan 2

- | | | |
|----------------|---|---------------|
| 1. ke 66 | - | ke-66 |
| 2. oditorium | - | auditorium |
| 3. syarat | - | syarat-syarat |
| 4. menyediakan | - | disediakan |
| 5. bertajukkan | - | bertemakan |
| 6. ramai orang | - | orang ramai |
| 7. QR kod | - | kod QR |

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.

Setelah / selama empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, baginda mangkat. Anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah telah/ yang menggantikan takhta ayahanda baginda, baginda digelar Sultan Mansur Syah ketika memerintah, baginda berumur dua puluh tujuh tahun semasa menjadi raja/ menaiki takhta. Baginda telah beristerikan/berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam. Baginda juga memiliki seorang anak perempuan dengan gundik yang bernama Puteri Bakal.

Walaupun sudah tua, Sani masih bekerja siang dan malam untuk menyara keluarganya yang hidup dalam kemiskinan. Dia sedar sekiranya dia tidak bekerja walaupun sehari, anak-anaknya pasti akan kelaparan kerana hidup mereka sekeluarga ibarat (i) _____. Namun begitu Sani tidak pernah berputus asa kerana dia sedar dan percaya (ii) _____. Dia mahu anak-anaknya memanfaatkan masa dengan bijak kerana (iii) _____.

- i. kais pagi makan pagi, kais petang makan petang
- ii. kalau tidak dipecahkan ruyung, manakah dapat sagunya / usaha tangga kejayaan / di mana ada kemahuan di situ ada jalan
- iii. masa itu emas

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan, dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

KANGAR: Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bersetuju menyertai program Bendang Run 2019 yang bermula dan berakhir di dataran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Perlis, Jejawi disini bersama-sama 1,200 orang peserta pada awal pagi tadi. Tuanku Syed Faizuddin Putra bertitah penganjuran larian itu amat tepat sekali pada masanya kerana program itu dilangsungkan dua minggu sebelum Perlis Marathon 2019 pada 27 April ini. Program itu ialah penganjur Kelab JPJ dan Jabatan Penyiaran Perlis bersempena dengan sambutan ulang tahun yang ke 73. Pengarah JPJ Perlis, Shahrul Azhar berkata, larian itu bertujuan menggalakan budaya hidup sihat di dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama jabatan ini membantu dalam menyemarakkan lagi aktiviti pelancungan sukan di negeri ini.

Bahan 2

LARIAN BENDANG DI LONDAH



**HADIAH
KESELURUHAN
RM 20,000**

Hadiah yang lumayan akan
penganjur sediakan.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada warga negara Malaysia yang berani dan sihat.
2. Bidang penyertaan ialah individu dan keluarga.
3. Yuran penyertaan individu ialah RM10.00 manakala yuran untuk sebuah keluarga ialah RM 20.00.
4. Peserta yang paling cepat sekali tiba ke garisan penamat dikira sebagai pemenang.
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 10 Mac 2023 pukul 4.00 petang.

<https://londahnegerisembilan.com>

Ashraf : 011-1223345 Diana : 017-7665543

Bahan 1

(i)	bersetuju	-	berkenan
(ii)	disini	-	di sini
(iii)	penganjur	-	anjuran
(iv)	ke 73	-	ke-73
(v)	menggalakan	-	menggalakkan
(vi)	di dalam kalangan	-	dalam kalangan
(vii)	pelancungan	-	pelancongan

Bahan 2

(i)	penganjur sediakan	-	disediakan ^{As} oleh penganjur
(ii)	warga negara	-	warganegara
(iii)	bidang	-	kategori
(iv)	paling cepat sekali	-	paling cepat / cepat sekali
(v)	ialah	-	adalah

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, "Benar seperti kata Tun Perak itu."

Maka diambil baginda sirih dari puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, "Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri."

Seri Amerta menyembahkan / mempersembahkan kata-kata yang disampaikan oleh Tun Perak kepada Duli Yang Dipertuan. Baginda tersenyum sambil bertitah, "kata-kata Tun Perak itu memang benar."

Setelah itu, baginda mengambil sirih dari bekas sirih itu / puan sirih / tepak sirih lalu menyuruh orang untuk memberikankan sirih itu kepada Tun Perak. Baginda bertitah kepada Tun Perak, "Tun Perak tidak patut tinggal di Kelang lagi, sebaliknya lebih baik berada di negeri ini."

1. melepaskan batok di tangga / melepaskan batuk di tangga
2. masuk telinga kanan, keluar telinga kiri / seperti mencurah air ke daun keladi / seperti hujan jatuh ke pasir
3. bagai tikus membaiki labu

3. Dalam petikan di bawah terdapat pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Rukun Negara bertujuan membentuk pepaduan yang kukuh di dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berbeza latar belakang dan kepercayaan agama. Prinsip Rukun Negara merupakan kunci keharmonian dan perpaduan kaum yang menentukan kejayaan dan kestabilan Malaysia. Rakyat Malaysia mesti bersatu diri mempertahankan kemerdekaan melalui apa yang digaris dalam Rukun Negara. Prinsip kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan misalnya, amat menekankan pesonaliti dan tingkahlaku setiap rakyat Malaysia.

Prinsip ke-lima ini menekankan peranan setiap rakyat Malaysia dalam menguruskan hal masing-masing tanpa melanggar tatasusila. Setiap rakyat tidak boleh mempersoalkan kesetiaan seorang warga negara yang lain berdasarkan kaum, agama dan asal usul nenek moyangnya. Pelanggaran tatasusila dalam kehidupan seharian akan mewujudkan perasaan tidak puas hati yang selama-lama akan berkembang menjadi hasad-dengki.

SOALAN 3 – KESALAHAN BAHASA

BIL	KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN
(i)	pepaduan	perpaduan
(ii)	di dalam	dalam
(iii)	diri	hati/padu
(iv)	apa	apa-apa
(v)	digaris	digariskan
(vi)	pesonaliti	personaliti
(vii)	tingkahlaku	tingkah laku
(viii)	ke-lima	kelima
(ix)	warga negara	warganegara
(x)	Pelangaran	Pelanggaran
(xi)	selama-lama	lama-kelamaan
(xii)	hasad-dengki	hasad dengki

4. Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Lalu, berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Di dalam hati baginda, “Tun Perak ini tidak sepatutnya menjadi bentara lagi, sepatutnya menjadi Perdana Menteri.”

Tun Perak digelar oleh baginda Paduka Raja, diminta duduk di seri balai sama kedudukannya/setara dengan Seri Nara Diraja. Lalu Paduka Raja pun naik dan duduk di sebelah Seri Nara Diraja, lalu Seri Nara Diraja bergerak sedikit/berkisar ke tengah.

5. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isikan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut pada ruang kosong yang disediakan.

Murid-murid Tingkatan 5 Beta tekun menyelesaikan tugas biarpun sukar kerana mereka sedar bahawa.....(i).....iaitu lama-kelamaan perkara yang sukar itu akan senang kerana selalu dibuat. Guru tingkatan mengingatkan mereka agar tidak bertanggung atau berlengah-lengah untuk menyiapkan tugas kerana(ii).....”Murid tidak boleh memberi pelbagai alasan jika ingin mencapai impian, berusaha dengan gigih dan jangan mengalah kerana(iii).....”nasihat guru tingkatan mereka lagi.

BIL	PERIBAHASA
(i)	alah bisa tegal biasa
(ii)	bertanggung itu pencuri masa
(iii)	di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

[6 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata kerja transitif aktif** dan **dua kata kerja pasif**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Mungkin tidak terfikir oleh kita bahawa teknologi kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai *artificial intelligence* (AI) akan berkembang dengan sebegitu pesat pada masa ini. Walaupun kekhuatiran kita tentang kemungkinan AI mengambil alih peranan guru dan pelbagai kerjaya penting pada masa depan masih belum berjawab, kita mestilah memastikan bahawa perkembangan teknologi wajib kita seimbangkan dengan pemantapan sahsiah dan nilai-nilai kemanusiaan demi pembentukan masyarakat madani.

(a) Kata Kerja Transitif Aktif

(i) mengambil alih –

1. menerima atau melaksanakan (tugas, penyiasatan kes, dokumen dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain.
2. Menguasai dan memiliki (hartanah, syarikat dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain
3. Mengawal atau menguasai (pemerintahan, negara, kuasa dll) daripada seseorang atau satu pihak yang lain

PERHATIAN: Jawapan “mengambil” TIDAK diterima kerana kata kerja transitif dalam petikan ini ialah kata kerja transitif aktif majmuk.

(ii) memastikan – menyatakan atau menentukan (seseorang atau sesuatu) dengan pasti

(b) Kata Kerja Pasif

Ada **empat kata kerja pasif** dalam petikan ini, iaitu *terfikir*, *dikenali*, *berjawab* dan *seimbangkan*.

- (i) Terfikir – *teringat atau terbayang (seseorang atau sesuatu) dalam fikiran*
- (ii) Dikenali – *diketahui dari segi sifat, rupa dan sebagainya dengan lebih mendalam*
- (iii) Berjawab – *ada balasannya*
- (iv) Seimbangkan – *dijadikan seimbang*

Bahan di bawah mempunyai pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan tersebut.

**GARIS PANDUAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KESIHATAN
KELAB DOKTOR MUDA SEKOLAH MENENGAH
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2017**

PENDAHULUAN

Pertandingan Video Pendek Kesihatan Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah ini merupakan satu daripada aktiviti penganjuran Unit Pendidikan Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Perak. Pertandingan ini memberikan fokus kepada aspek mencari, mengumpul maklumat, menyusun bahan dan menyembangkannya menerusi pembikinan video pendek kesihatan.

OBJEKTIF

1. Mempregiat budaya berfikir secara kreativiti dan inovatif
2. Meningkatkan keberkesanan pelbagai kaedah dalam pengajaran kesihatan
3. Memperkukuh tahap pengajaran secara inkuiri supaya pembelajaran ahli Kelab Doktor Muda menjadi lebih berkesan khususnya di dalam pemahaman konsep kesihatan dan isu semasa kesihatan

SYARAT KHAS VIDEO PENDEK KESIHATAN KELAB DOKTOR MUDA

Tajuk

- Pemilihan tajuk hendaklah berdasarkan pada Modul Doktor Muda Sekolah Menengah yang terkini.

Tempoh Pertandingan

- Pertandingan akan bermula pada 1 Februari 2017 sehingga 28 April 2017.
- Setiap penyertaan perlulah dihantar ke jawatankuasa pertandingan sebelum atau pada 28 April 2017, sebelum pukul 1:00 tengah hari.

Terma dan Syarat

1. Penyertaan terdedah kepada semua ahli Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah.
2. Video mestilah berdurasi antara tiga dan lima minit.
3. Bahasa yang digunakan mestilah bahasa Melayu. Sekiranya menggunakan bahasa selain bahasa Melayu, cadangan sarikata dalam bahasa Melayu diperlukan.
4. Pihak sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini mestilah mengemelkan video para peserta menerusi alamat e-mel rasmi, jknperak@moh.gov.my.

Hubungi Kami:

UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK

Jalan Hospital (Ashby Road), 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Telefon: 05-5469355

Faksimile: 05-5456300

Salah	Betul	Penjelasan	Markah
penganjuran	anjuran	Pengimbuhan	1
menyembahkannya	mempersembahkannya	Pengimbuhan	1
kreativiti	kreatif	Kesalahan penggunaan kata	1
meningkat	meningkatkan	Pengimbuhan	1
di dalam pemahaman	dalam pemahaman	Kesalahan bahasa : “di” tidak diperlukan kerana tiada konsep ruang	1
berdasarkan pada	berdasar pada/ berdasarkan	Kesalahan bahasa : <i>-kan</i> pada KKTT berdasarkan sudah membawa makna “pada”	1

ke jawatankuasa	kepada jawatankuasa	“Jawatankuasa” ialah pihak yang ditujui, bukan tempat	1
terdedah	terbuka	Kesalahan istilah	1
antara tiga dan lima minit	antara tiga dengan lima minit	Kesalahan bahasa. Penggunaan kata sendi nama “dengan” wajib digunakan bersama-sama dengan “antara”	1
sarikata	sari kata	Kesalahan ejaan	1
mengemelkan	meng-e-melkan	Kesalahan ejaan	1

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, adanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, “Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat.”

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan seperti.

Kedengaran/Sampailah khabar/berita ke Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati/meninggal dunia kerana sakit sehingga muntah darah dan adanya seolah-olah kena panah/dipanah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar/berita itu, baginda bertitah, “Benarlah Tuan Sidi Arab ini seorang hamba Allah yang mempunyai keramat/sakti/kelebihan/keistimewaan.”

Baginda memuji Tuan Sidi Arab dan dianugerahi oleh baginda dengan selayaknya/ setimpalnya/kemampuan.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan nyatakan peribahasa yang sesuai bagi ayat-ayat yang bergaris dalam petikan.

Kebiasaannya, ibu bapa akan mula mendidik anak-anak mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik sejak kecil lagi. Hal ini berlaku demikian kerana ibu bapa bimbang akan peluang anak mereka untuk mendapatkan pekerjaan kolar putih selepas menamatkan pengajian. Oleh sebab itu, ibu bapa dan anak-anak perlu membuat persiapan awal bagi menghadapi cabaran pada masa depan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memberikan penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal bagi melahirkan murid yang berkemahiran. Perubahan ini telah membuka peluang yang besar kepada murid teknikal supaya mereka dapat bersaing dengan murid-murid yang mengikuti pendidikan arus perdana.

Soalan 5 – Peribahasa

- i. Melentur buluh biarlah dari rebungnyanya 2
- ii. Menyelam sambil minum air 2
- iii. Duduk sama rendah berdiri sama tinggi 2

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembedolannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Jom kitar semula!

Kitar semula ialah proses mengubah sisa menjadi sumber-sumber yang bernilai yang boleh mengurangkan penggunaan bahan semula jadi-bahan semula jadi dan menjana sumber kewangan.

Bahan yang boleh dikitar semula :

Reduce (Kurangkan)

- Beli produk isian semula
- Gunakan kain tuala bagi menggantikan tisu.
- Gunakan e-mel untuk mengepos dokumen.

Kaca :
Lut sinar atau berwarna, botol vitamin, bekas kosmetik

Kertas :
Majalah, surat khabar, buku, kotak, kadbod

Plastik dan Alumium :
Lut sinar atau berwarna, tin minuman dan makanan

Recycle (Kitar Semula)
Kertas surat khabar boleh dijadikan pelbagai kraf tangan menarik

TIPS

Reuse (Guna Semula)

- Bawa beg yang boleh digunakan semula semasa beli barang
- Bawa bekas makanan sendiri
- Guna semula bekas minuman sebagai hiasan atau bekas alat tulis

Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara Infografik Bernama

Bahan 2

Kempen kitar semula sudah berusia tiga dekad, tetapi nampaknya keberkesanan kempen tersebut hanya gagah pada nama, namun menimbulkan tanda tanya sejauh mana kejayaannya. Berdasarkan laporan Pusat Kajian Alam Sekitar dan Kebangsaan (NECC) pada tahun 2022, Malaysia mempunyai kadar hasilan sisa pepejal domestik hampir 40,000 tan tiap hari dan dijangka meningkat 1.5 kali ganda di tahun 2050. Masalah ini serius kerana banyak sisa pepejal domestik tidak dibuang dengan betul akan mengalir ke sungai dan laut menyebabkan pencemaran dan membahayakan hidupan akuatik.

Bahan 1

- | | | |
|--|---|--------------------------------------|
| 1. Menggubah | – | menggubah (imbuhan) |
| 2. bahan semula jadi-bahan semula jadi | – | bahan-bahan semula jadi (tatabahasa) |
| 3. mengepos | – | menghantar / mengirim (istilah) |
| 4. tips | – | tip (ejaan) |
| 5. Alumnum | – | Aluminium (ejaan) |
| 6. beli | – | membeli (imbuhan) |

Bahan 2

- | | | |
|------------|---|-------------------------------|
| 1. gagah | – | gah (istilah) |
| 2. lapuran | – | laporan (ejaan) |
| 3. hasilan | – | penghasilan (imbuhan) |
| 4. tiap | – | tiap-tiap/setiap (tatabahasa) |
| 5. di | – | pada (tatabahasa) |
| 6. akuatik | – | akuatik (ejaan) |

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya.

Tidak dijawab oleh Tun Perak pertanyaan / kata-kata itu. Sekali lagi Seri Amerta bertanya, namun tidak dijawab oleh Tun Perak. Cukup tiga kali Seri Amerta bertanya, barulah dijawab oleh Tun Perak, katanya, “Wahai Seri Amerta, tuan hamba dengan sebilah pedang tuan hamba itu, hendaklah tuan hamba jaga dengan baik, jangan dibiarkan berkarat, jangan dibiarkan matanya tumpul.

Kamal dan Amar merupakan dua sahabat yang sangat rapat _____. Mereka selalu kelihatan bersama-sama melakukan pelbagai aktiviti seperti bermain, belajar dan bersiar-siar. Hubungan baik mereka sentiasa menjadi _____ masyarakat kampung dan sering dijadikan teladan. Walaupun mereka kelihatan sangat serasi namun mereka juga pernah berselisih faham kerana _____. Walau bagaimanapun, perselisihan tersebut dapat diselesaikan dengan baik.

Bahan 1

i.	ditipu	: tertipu
ii.	laju	: cepat
iii.	masyarakat rasai	: dirasai oleh masyarakat
iv.	memberi	: memberikan
v.	warga negara	: warganegara
vi.	tumbuh	: tumbuh

1. Seperti isi dengan kuku / bagai dakwat dengan kertas / bagai lesung dengan antan / ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni / ke bukit sama didaki ke laut sama direnangi
2. Buah mulut
3. Laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tak ditimpa hujan / tak ada laut yang tidak berombak / sedangkan lidah lagi tergigit

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin semula bahan-bahan tersebut.

Petikan 1

Pernakah anda ditipu oleh berita palsu yang sedang tular dalam laman sosial? Mantan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah pernah berkata, berita palsu berkaitan COVID-19 dilihat lebih laju tersebar berbanding dengan penularan COVID-19 itu sendiri.

Mungkin ada dalam kalangan masyarakat yang menganggap kemelut ini sebagai perkara remeh. Namun begitu, implikasi berita palsu kini amat _____ masyarakat rasai terutamanya pada musim penularan penyakit COVID-19. Keadaan ini memberi tamparan hebat buat warga negara Malaysia yang sebelum ini masih berseloroh tentang kemunculan berita palsu. Situasi ini diibaratkan bagai cendawan tumbuh selepas hujan.

No. 39, Jalan Damai,
Taman Bukit Anggerik,
30290 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

4 Ogos 2023

Menemui sahabat penaku David, yang kini berada di Melbourne, Australia. Semoga saudara dan keluarga dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Saudara David,

Apa khabar saudara dan keluarga di sana? Saya ingin memohon maaf kerana agak terlambat untuk membalas surat dari saudara tempoh hari. Saya kini sibuk dengan persediaan untuk menghadapi peperiksaan besar tidak lama lagi. Tampaknya saudara sangat meminati untuk mengetahui tempat dan kawasan pelancongan di Malaysia. Dalam surat kali ini, saya ingin menceritakan keindahan Pulau Langkawi.

Pulau Langkawi merupakan pusat pelancongan di Malaysia yang terletak di negeri Kedah, iaitu di utara semenanjung Malaysia. Terdapat banyak keistimewaan-keistimewaan dan tempat menarik yang boleh dilawati di Pulau Langkawi. Pulau ini dikelilingi oleh pantai yang bersih dan suasananya yang jauh daripada hiruk pikuk bandar. Saudara dapat merasai keindahan suasana dan pantainya ini dengan berkunjung ke Pulau Langkawi.

Selain itu, Makam Mahsuri dan Padang Mat Sirat adalah antara tempat menarik dan bersejarah yang mempunyai kaitan dengan legenda Mahsuri. Jikalau ada peluang dan kesempatan, akan saya ceritakan lebih lanjut tentang pulau ini. Beberapa helai gambar yang berkaitan Pulau Langkawi ini akan saya kirim kepada saudara.

Setakat ini sahaja yang sempat saya tulis buat saudara nun jauh di sana. Akhir kata, sambutlah salam mesra daripada saya dan keluarga.

Yang benar,

Harith Faidz

Bahan 2

i.	dari	: daripada
ii.	meminati	: berminat
iii.	keistimewaan-keistemawaan	: keistimewaan
iv.	hiruk pikuk	: hiruk-pikuk
v.	merasai	: menikmati
vi.	legenda	: legenda
vii.	helai	: keping

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda. "Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri."

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja itu di seri balai itu, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah.

Sultan Muzaffar Syah bersetuju apabila mendengar kata-kata Tun Perak. Dalam hati baginda, Tun Perak ini tidak sesuai lagi menjadi bentara, tetapi sesuai menjadi Perdana Menteri.

Kemudian baginda menggelarnya Paduka Raja dan disuruh duduk di seri balai setaraf / sama kedudukan dengan Seri Nara Diraja. Paduka Raja pun naik lalu duduk berhampiran dengan Seri Nara Diraja di seri balai dan Seri Nara pun beralih / berengsot ke tengah.

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian isi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Dalam kehidupan bermasyarakat, terutama di kawasan perumahan kita seharusnya sentiasa bersatu padu dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak hanya mementingkan diri sendiri ibarat _____ . Kesannya masyarakat hidup dalam suasana yang harmoni. Tugas yang sukar atau rumit pasti akan menjadi senang apabila dilakukan bersama-sama kerana _____ . Dalam hal ini, ibu bapa perlu menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak supaya boleh diteladani dalam kehidupan mereka kerana _____ .

- (i)
- Enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
- (ii)
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
 - Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
 - Berat sepikul, ringan sejinjing
 - Kuah sama dihirup, sambal sama dicolek
 - Laba sama dibagi, rugi sama diterjuni
- (ii)
- Bagaimana acuan, begitulah kuihnya
 - Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi
 - Rebung tidak jauh dari rumpun
 - Bagaimana contoh, begitulah gubahannya
 - Bagaimana rupa, begitulah bayangnya

Bahan 1

Terdapat pelbagai punca yang dikaitkan dengan penyakit *Dissociative Identity Disorder* (DID) ini. Antaranya termasuklah trauma teruk, yang tidak mudah lenyap dari ingatan yang pesakit alami ketika zaman kanak-kanak. Trauma tersebut seperti didera, kehilangan orang tersayang, kemalangan, mangsa seksual dan sebagainya. Trauma seperti ini sekiranya tidak dirawat dari peringkat awal boleh menyebabkannya mengembang menjadi kecelaruan identiti. Kanak-kanak yang mengalami trauma akan kerap membayangkan masa lampau mereka dari semasa ke semasa. Lama kelamaan otak mereka mewujudkan personaliti baru dalam diri bagi mengelakkan mereka teringat kembali trauma yang pernah dilalui.

[6 markah]

Bahan 2

Pesakit talasemia mempunyai jangka hayat yang pendek jika tidak mendapat rawatan yang sepatutnya. Pemindehan darah atau tranfusi darah sepanjang hayat menjadi rawatan utama pesakit talasemia. Proses ini dilakukan untuk mengekal kandungan darah dalam badan.

Walaubagaimanapun, proses pemindahan darah yang kerap boleh menyebabkan pengumpulan zat besi yang berlebihan dalam badan. Perkara ini memberikan kesan pada organ dalaman seperti jantung, hati, masalah tiroid dan kencing manis. Oleh itu, ubat penyingkir zat besi juga perlu diambil sepanjang hidup.

Bahan 1

- (i) lenyap - hilang
- (ii) pesakit alami - dialami oleh pesakit
- (iii) kemalangan - kemalangan
- (iv) mengembang - berkembang
- (v) Lama kelamaan - Lama – kelamaan

Bahan 2

- (i) tranfusi – transfusi
- (ii) mengekal – mengekalkan
- (iii) walaubagaimanapun – walau bagaimanapun
- (iv) pada – kepada
- (v) tairoid – tiroid
- (vi) hidup - hayat

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, lalu baginda mangkat. Kemudian anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itu menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelaran baginda sebagai pemerintah kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda sewaktu / semasa menaiki takhta kerajaan itu ialah dua puluh tujuh tahun. Kemudian baginda berkahwin dengan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan mempunyai anak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.

[Maksimum : 4 markah]

- Aliya : Kak Mira, bolehkah kakak berkongsi tentang pengalaman kakak ketika belajar di luar negara?
- Mira : Boleh, Aliya. Ketika mula-mula sampai di Universiti di Melbourne, Australia, kakak _____ (1) _____ kerana perbezaan budaya dan bahasa.
- Aliya : Pasti banyak perkara baru yang dapat kakak pelajari.
- Mira: Sudah tentu, Aliya. Sebagai anak dagang, kita hendaklah bijak menyesuaikan diri dengan keadaan di sana kerana _____ (2) _____
- Aliya : Seronoknya jika saya dapat menyambung pelajaran di sana.
- Mira: Tentulah, Aliya. Namun begitu, menyambung pelajaran di dalam negara juga ada kelebihan kerana _____ (3) _____ .

- | | | |
|-------|--|---|
| (i) | seperti rusa masuk kampung | 2 |
| (ii) | masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak | 2 |
| (iii) | hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri | 2 |

Maximum : 6 marks

DARO: Ibu bapa diseru agar menggalakkan anak-anak berdikari dan membenarkan mereka terlibat secara aktif dalam bidang sukan. Menurut Wakil Rakyat Daro, Safiee Ahmad, para ibu bapa tidak perlu menghalang anak-anak mereka tanpa mengira jantina terlibat dengan aktiviti sukan. "Secara purata, kanak-kanak berusia dalam lingkungan tujuh hingga 12 tahun lebih mudah dibentuk untuk menjadi atlet yang berjaya," katanya semasa merasmikan Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Kampung Nangar Daro berhampiran dengan tadika di Kampung Nangar pada Rabu lalu. Dalam ucapan yang sama, Safiee telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150,000.00 untuk menaik taraf dewan gimrama bagi sekolah itu. Majlis perasmian turut diserikan dengan persembahan sebuah kugiran yang terkenal di Sarawak.

Soalan 1 – Morfologi

Bil.	Kata Nama Akronim	Maksud	Contoh Ayat
1	berdikari	- berdiri atas kaki sendiri, tidak mengharapkan orang lain utk menolongnya:	Leman hidup <u>berdikari</u> selepas kematian kedua-dua ibu bapanya.
2	jantina	- jenis kelamin (laki-laki atau perempuan); dua ~ dua jenis kelamin, pondan; sejantina 1. (bagi tumbuh-tumbuhan) bunga jantan dan bunga betina terdapat pd pokok yg berasingan; 2. (bagi binatang) benih jantan dan benih betina yg dihasilkan oleh jenisnya masing-masing; kejantinaan keadaan jantina (sama ada laki-laki atau perempuan), jenis kelamin; meminda perlembagaan utk menghapuskan beza-membeza yg berdasarkan	Perbezaan <u>jantina</u> bukan penghalang untuk Izzah menceburi bidang sukan lasak.
3	purata	pukul rata; hitung panjang, nilai yg diperoleh dgn membahagikan jumlah sebilangan kuantiti dgn bilangan kuantiti tersebut, hitung panjang;	<u>Purata</u> pendapatan rakyat Malaysia dijangka meningkat kepada RM2500.00 sebulan pada tahun hadapan.
4	tadika	- akronim bagi taman didikan kanak-kanak	Adik belajar di <u>tadika</u> berhampiran rumah saya.
5	gimrama	- akronim bagi gimnastik berirama (iaitu suatu persembahan gimnastik yg biasanya menggunakan alat tertentu spt tali, reben dan bola dgn iringan irama muzik):	Atlet <u>gimrama</u> negara telah berjaya menggondol pingat emas dalam disiplin tali.
6	kugiran	- kumpulan gitar rancak, pancaragam moden yg popular.	Lima <u>kugiran</u> terkenal tanah air akan membuat persembahan sempena Hari Kebangsaan.

KUCHING - Kes-kes jangkitan rabies yang berlaku di kalangan haiwan dan manusia mencatatkan peningkatan di Sarawak. Kampung Narum di Marudi diishtiharkan sebagai kawasan terbaharu jangkitan rabies selepas seekor anjing liar disahkan positif rabies pada 2 Febuari lepas.

Sehubungan itu, Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom mengingatkan orang awam supaya berwaspada dan menggesa agar siapa yang digigit haiwan segera mendapatkan perubatan di klinik.

“Berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan Sarawak pada tahun ini merekod 13 kematian daripada 15 kes rabies. Sejak 2017, jumlah kumulatif rabies yang menjangkiti manusia adalah sebanyak 70 kes dengan 63 kematian,” katanya kepada pemberita.

Ekoran peningkatan jangkitan rabies, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak telah mempergiatkan program vaksinasi anti-rabies di seluruh Sarawak. Menurut Dr Stephen lagi, satu program vaksinasi besar besaran akan diadakan di Taman Awam Miri pada 19 dan 20 Ogos 2023.

Pemilik anjing perlu memastikan suntikan pelalian telah diberikan kepada haiwan ternakan mereka bagi mengelakkan masyarakat dijangkiti virus rabies.

1	di kalangan	-	dalam kalangan
2	diishtiharkan	-	diisytiharkan
3	Febuari	-	Februari
4	Sehubungan itu	-	Sehubungan dengan itu
5	siapa	-	sesiapa / siapa-siapa
6	perubatan	-	rawatan
7	merekod	-	merekodkan
8	mempergiatkan	-	mempergiat / menggiatkan
9	anti-rabies	-	antirabies
10	besar besaran	-	besar-besaran
11	mempastikan	-	memastikan
12	ternakan	-	peliharaan

Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu terlalu gemuruh bahannya. Maka Laksamana pun tahulah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu.

Laksamana berjalan. Pada malam itu keadaan terlalu gelap / kelam / gelap-gulita dan hujan rintik-rintik / renyai-renyai. Kertala Sari masuk ke kota. Laksamana tidur di tengah-tengah pasar itu. Kemudian Laksamana mendengar bunyi hentakan kaki Kertala Sari yang sangat / terlalu kuat. Laksamana mengetahui kehadiran / kedatangan Kertala Sari. Kertala Sari sedang berjalan / menuju ke tengah pasar.

1. Berikan 2 markah bagi setiap peribahasa yang sepatutnya dengan tepan

Bil.	Peribahasa	Markah
1	Bahasa menunjukkan bangsa / bahasa jiwa bangsa	2
2	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih / di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	2
3	Mata pena lebih tajam daripada mata pedang	2

Zamri : Kini masyarakat sangat gemar menggunakan bahasa rojak ketika berkomunikasi.

Norzi : Ya betul tu. Media massa pun tidak cakna dalam penggunaan bahasa yang betul.

Zamri : Pada pendapat saya, orang yang sayang akan bahasanya, pasti akan menggunakannya dengan betul pada setiap masa kerana _____(i)_____

Norzi : Saya amat setuju dengan pendapat awak. Media massa mestilah bersungguh-sungguh untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan tanpa banyak alasan, bak peribahasa _____(ii)_____

Zamri : Selain itu, surat khabar dan majalah turut memainkan peranan sebagai saluran penyampaian idea dan kritikan dengan lebih berkesan kerana _____(iii)_____

Bahan 1

“Membaca Jambatan Ilmu” begitulah ungkapan yang menggambarkan amalan membaca pastinya dapat membantu kita menambahkan ilmu pengetahuan. Usaha memupuk rasa kecintaan pada ilmu pengetahuan melalui budaya membaca sejak peringkat muda kanak-kanak akan melahirkan masyarakat yang sentiasa dahaga akan ilmu. Oleh itu, amalan membaca terus akan dipertingkatkan bagi memperkasakan ilmu pengetahuan dan sentiasa tahu dengan perubahan serta perkembangan semasa. Bagi peringkat sekolah, pendekatan untuk menggalakkan budaya membaca dapat disokong dengan penerapan beberapa elemen dalam konsep Sekolahku SEJAHTERA seperti Harmoni, Tekun, Eksplorasi dan Artikulasi.”

Bahan 2

Daripada:	mia@gmail.com
Kepada:	shaniey@gmail.com
Subjek:	Sekolahku Sejahtera

Salam sejahtera sahabatku, Shaniey.

Apa khabar? Saya berharap saudara dan keluarga baik-baik sahaja. Saya ingin berkongsi sesuatu yang tertarik dengan saudara dalam emel saya pada kali ini.

Baru-baru ini saya telah baca tentang Pesta Songkran. Perkataan ‘songkran’ berasal dari istilah bahasa Siam yang membawa maksud pesta air atau pesta mandi-manda. Perayaan ini disambut oleh masyarakat Siam di Malaysia, Thailand, Myanmar dan di seluruh dunia pada musim yang paling hangat, iaitu pada pertengahan April setiap tahun. Mungkin saudara ada maklumat tentang perayaan ini. Segeralah bercerita maklumat dengan saya, ya!

Sekian, terima kasih.

Bahan 1

- i. pada – kepada
- ii. muda – awal
- iii. terus akan – akan terus
- iv. tahu – cakna/peka
- v. perkembangan – perkembangan
- vi. konseps – konsep
- vii. Eksplorasi – Eksplorasi

Bahan 2

- i. tertarik – menarik
- ii. emel – e-mel
- iii. saya telah – telah saya
- iv. dari – daripada
- v. masyarakat – masyarakat
- vi. pertengahan – pertengahan
- vii. bercerita – berkongsi

Adapun perigi di Batu Pahat itu dibuat, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara kepada Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Terdapat perigi di Batu Pahat telah dibuat oleh orang Siam. Diikut Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Lalu Bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Seterusnya, semua perihal ehwal dipersembahkan oleh Bendahara kepada Ke Bawah Duli Sultan. Baginda sangat suka lalu memberi persalinan kepada Bendahara Paduka Raja iaitu pakaian yang baik-baik dan semua hulubalang yang bersama-sama turut dianugerahi baginda persalinan yang sepadan.

*Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **dua** peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.*

- Cikgu Ali: Sebagai rakyat negara yang sudah merdeka, kita berhak menentukan hala tuju negara, kita akan dianggap seperti _____ (i) kerana hanya mengikut kehendak orang lain.
- Prof. Husin: Ya cikgu, generasi muda perlu sedar akan tanggungjawab mereka mempertahankan negara dan sanggup berkorban sehingga titisan darah yang terakhir .
- Cikgu Ali: Saya bersetuju dengan Profesor, kita mengharapkan generasi muda di negara ini dapat meneruskan legasi negara supaya setanding dengan negara maju yang lain seperti peribahasa _____ (ii)

- (i) Kerbau dicucuk hidung
- (ii) Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

□

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata sendi nama**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata sendi nama tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Cukai pendapatan individu atas keuntungan perniagaan bukan hanya dikenakan kepada mereka yang berniaga secara tetap atau sambilan, malahan juga mereka yang berniaga secara konvensional atau secara dalam talian. Profesion seperti doktor yang membuka klinik sendiri, peguam yang memiliki firma guaman atau akauntan dengan firma perakaunan sendiri turut dikenakan cukai. Selain itu, terdapat beberapa kerjaya yang dikenakan cukai di bawah kategori Individu Berpendapatan Perniagaan, iaitu pempengaruh (*influencer*).

Soalan 1 – Morfologi

- (i) **atas**
1. kerana (cth: Perkahwinan mereka bukan atas dasar cinta seperti pasangan zaman moden ini)
 2. terhadap (cth: Pemandu lori itu tidak mengaku salah atas tuduhan membawa lori secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian)
 3. dengan (cth: Beliau berpuas hati atas kemajuan yang dicapai setakat ini.)
 4. tentang; mengenai (cth: Kajian ini berkisar atas konsep kebudayaan.)
 5. pada (cth: Adakah persaudaraan itu bergantung atas kebendaan dan materialisme?)
 6. mengikut; berdasarkan (cth: Pada keseluruhannya, drama tentulah bergerak atas perkembangan plot secara dramatik.)
- **salah** jika digunakan sebagai kata arah (cth: di atas meja) – 0 markah
- (ii) **kepada**
1. arah ke (dipakai sebelum nama orang atau kata pengganti diri) (cth: ...mengirimkan surat kepada orang tuanya)
 2. menyatakan sasaran yang merujuk manusia atau sesuatu; terhadap (cth: ...berbuat baik kepada golongan miskin)
 3. menyatakan hubungan pemilikan, penguasaan, pengawalan dsb antara sso atau sst dengan sso atau sst yang lain. (cth: ...ibu kepada Razak)
- (iii) **dalam**
1. lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak
- **salah** jika digunakan sebagai kata arah (cth: di dalam bilik) atau kata adjektif (cth: perigi itu sangat dalam) – 0 markah
- (iv) **seperti**
1. perbandingan antara dua benda atau perkara yang dianggap serupa
 2. sesuai dengan atau sebagaimana
 3. seolah-olah; seakan-akan
 4. misalnya; contohnya
 5. sama halnya dengan sesuatu
- (v) **dengan**
1. bersama-sama atau berserta
 2. cara sesuatu itu dilakukan (cth: ...dengan kerjasama; dengan bacaan doa; dengan hati terbuka; dengan semangat perpaduan)
 3. memakai atau menggunakan (cth: ...dengan daun pisang; dengan gunting)
 4. perbandingan yang serupa atau sama (cth: sependapat dengan saya; akar dengan rotan; emas dengan perak)
- **salah** jika digunakan sebagai kata hubung (cth: dengan bersungguh-sungguh; dengan menggunakan daun pisang) – 0 markah
- (vi) **di** – menunjukkan tempat
- (vii) **selain** – untuk menyatakan perkara lain

Baca petikan di bawah dengan teliti. Gabungkan ayat-ayat dalam petikan ini dengan menggunakan **kata hubung** yang sesuai untuk dijadikan petikan baharu yang hanya mengandungi **tiga ayat majmuk**.

Industri makanan sejuk beku semakin berkembang bak cendawan tumbuh selepas hujan. Industri ini menjadi pilihan warga Malaysia pada masa ini. Makanan sejuk beku mempunyai harga yang berpatutan. Makanan sejuk beku mudah disediakan. Kaedah sejuk beku ini bukan sahaja mampu menghalang pertumbuhan mikroorganisma dalam makanan. Kaedah sejuk beku ini juga merupakan salah satu cara pengawetan makanan tanpa melibatkan bahan kimia pada suhu negatif 18 darjah Celsius.

Industri makanan sejuk beku **yang** semakin berkembang bak cendawan tumbuh selepas hujan menjadi pilihan warga Malaysia pada masa ini. Makanan sejuk beku mempunyai harga yang berpatutan **dan** mudah disediakan. Kaedah sejuk beku ini bukan sahaja mampu menghalang pertumbuhan mikroorganisma dalam makanan **tetapi** juga merupakan salah satu cara pengawetan makanan tanpa melibatkan bahan kimia pada suhu negatif 18 darjah Celcius.

Bahan 1

Ketupat adalah makanan yang dibuat daripada beras nacin dan beras pulut yang dimasak di dalam kelongsang daun kelapa yang dianyam dan dikenali sebagai ketupat nasi atau ketupat pulut. Ketupat nasi dibuat dengan memasukkan beras ke dalam lipatan daun kelapa, kemudian direbus hingga beras kembang dan padat. Sementara itu, ketupat pulut kebiasaannya terdapat di utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Beras pulut, santan dan garam dimasak hingga separuh masak, kemudian dibalut oleh daun palas dan direbus hingga masak.

Bahan 2

PENCARIAN MURID PINTAR DAN BERBAKAT

Program Pencarian Murid Pintar dan Berbakat dilaksanakan oleh Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada setiap tahun. UKM mensasarkan pencarian ini kepada murid yang berumur di antara 8 hingga 15 tahun di seluruh negara. Saringan bagi mengenali murid pintar dan berbakat ini meliputi Ujian Saringan UKM1, UKM2 dan UKM3.

Bagi kemasukan Program Pintar dan Berbakat, murid-murid perlu melepasi Ujian Saringan UKM1, UKM2 dan UKM3 sebelum ditawarkan ke Program Pendidikan Menengah Pintar dan Berbakat. Setiap tahun, ujian UKM1 dilaksanakan secara atas talian daripada 1 Februari hingga 31 Mei.

Anda yang kami carikah?

Sila imbas QR Kod



Bahan 1

- | | |
|-----------------|--------------|
| (i) adalah | - ialah |
| (ii) kelongsang | - kelongsong |
| (iii) lipatan | - anyaman |
| (iv) diutara | - di utara |
| (v) oleh | - dengan |

Bahan 2

- | | |
|----------------|----------------|
|) mensasarkan | - menyasarkan |
| i) di antara | - antara |
| ii) meliputi | - meliputi |
| v) atas talian | - dalam talian |
|) daripada | - dari |
| i) QR kod | - kod QR |
| (vii) carikah | - cari |

Maka sembah Temenggung, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun pada malam ini patik sendirinyalah berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggu; maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung.”

Sembah Temenggung, “Ya, tuanku, patik memohon ampun dan kurnia/keizinan. Pada malam ini, patik sendirilah yang berkawal. Di setiap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya telah patik jaga/kawal. Namun, tiada seorang pun yang patik temui/jumpai. Semua titah duli yang maha mulia telah patik junjung/turuti/patuhi.”

Taufik lahir dalam keluarga yang miskin dan serba kekurangan bak kata peribahasa _____ (i) _____. Pendapatan ayahnya sebagai seorang nelayan tidak menentu dan bergantung pada rezeki hari berkenaan, malah kadang-kadang ayahnya pulang dengan tidak membawa apa-apa hasil tangkapan. Keadaan ini dapat diibaratkan dengan peribahasa _____ (ii) _____. Demi cita-cita untuk mengubah nasib keluarga, ayah Taufik telah mengikuti kursus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Akhirnya, berkat daripada usaha gigih mereka sekeluarga, kini kehidupan mereka semakin senang sehingga berjaya membuka kedai yang berasaskan produk laut. Situasi tersebut sangat bertepatan dengan peribahasa _____ (iii) _____.

(i)	kais pagi makan pagi, kais petang makan petang/ bagai kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mahu	2
(ii)	untung sabut timbul, untung batu tenggelam/ asal sabut terapung, asal besi tenggelam	2
(iii)	usaha tangga kejayaan/ berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian/ kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya	2